

26 OCT 2002

Syed Razak-SAR

SYED RAZAK CADANG BUAT AKUJANJI TERHADAP SEK AGAMA RAKYAT

SUNGAI PETANI, 26 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah bercadang mewajibkan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri itu menandatangani Akujanji sebelum diberikan semula bantuan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata tindakan itu bertujuan membersihkan sekolah-sekolah itu daripada dijadikan tempat berpolitik oleh pihak tertentu.

"Sebelum kerajaan bagi bantuan, wajibkan setiap Sekolah Agama Rakyat itu tandatangani akujanji. Bagi yang tidak mahu tandatangani ia tidak layak dapat bantuan dan bagi yang menandatangani tetapi kemudiannya didapati masih wujud aktiviti politik tarik balik bantuan serta merta," katanya.

Syed Razak berkata demikian pada persidangan media selepas merasmikan Hari Wargatua peringkat negeri di Rumah Kenangan Bedong, dekat sini, hari ini.

Menteri Besar berkata demikian semasa diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa bantuan kerajaan kepada SAR dihentikan sementara.

Dr Mahathir berkata tindakan itu diambil kerana kerajaan mendapati ada sekolah telah disalahgunakan untuk tujuan politik.

Syed Razak berkata terdapat 45 buah SAR di Kedah dengan 20,000 orang penuntut dan kerajaan persekutuan memperuntukkan bantuan sebanyak RM4 juta setahun kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Beliau berkata pemantauan kerajaan negeri mendapati ada sekolah yang mempengaruhi pelajar supaya membenci kerajaan dan para pemimpin negara.

"Adalah tidak elok sekolah yang mendapat bantuan kerajaan tetapi kemudiannya menjadi tempat menanam perasaan benci kepada kerajaan. Saya harap dengan tindakan memberhenti sementara bantuan itu dapat menyedarkan para pentadbir SAR yang telah menyeleweng itu," katanya.

-- BERNAMA

MZM MOZ